

28 JUL 1997

Anwar-Standard

KEMISKINAN KETARA DIBASMI MENJELANG TAHUN 2000

SHAH ALAM, 28 Julai (Bernama) -- Kerajaan yakin kemiskinan ketara di negara ini dapat diatasi menjelang tahun 2000, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata hari ini.

Berdasarkan data terkini serta kejayaan yang dicapai selama ini, kerajaan positif kemiskinan ketara dapat dibasmi selewat-lewatnya tahun 2000, kata beliau.

"Tidak dapat kita terima, dengan kadar pertumbuhan ekonomi negara, masih ada yang terlantar dan tidak mendapat pembelaan...kita bersyukur kepada Allah kerana kita menunjukkan keupayaan dan kemampuan untuk menangani masalah ini," katanya pada majlis dialog Belanjawan 1998 di Kelab Shah Alam di sini.

Anwar berkata pembasmian kemiskinan sebagai agenda sosial utama negara akan diberikan tumpuan dalam Belanjawan 1998 yang dijadual dibentang Oktober ini.

Beliau berkata yang turut diberikan tumpuan dalam belanjawan akan datang ialah pendemokrasian pendidikan di bandar, desa dan pedalaman, kemudahan kesihatan dan kemudahan asas luar bandar.

Dalam memastikan manfaat pembangunan sampai kepada kumpulan sasaran, Anwar mengingatkan semua agensi pelaksana supaya memastikan kelicinan, kecekapan dan ketelusan kaedah pelaksanaan kerana jumlah peruntukan yang disediakan besar dan sasarannya sudah dikenal pasti.

Beliau menegur kecenderungan sesetengah agensi pelaksana untuk membesarkan agensi dan jabatan masing-masing sehingga menjejaskan tumpuan sebenar terhadap tugas dan fungsi.

"Lebih bermakna kalau kemudahan itu sampai langsung kepada sasaran dan tidak menelan belanja besar bagi memperkukuh agensi," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata tumpuan juga akan diberikan kepada pembangunan institusi keluarga ekoran peningkatan kes yang berkaitan masalah sosial seperti 1,009 kes penganiayaan kanak-kanak yang dilaporkan pada 1996 berbanding 511 kes tahun 1990 dan buang bayi sebanyak 55 kes tahun 1996 berbanding 36 kes pada 1989.

Anwar juga berkata tidak harus ada standard yang berbeza dalam melaksanakan hukum dan undang-undang.

"Golongan dewasa yang mempunyai kedudukan dan golongan remaja serta golongan berpendapatan rendah tidak harus dihadapkan dengan undang-undang berbeza. Undang-undang harus dilihat dan dipastikan mempunyai matlamat yang sama," katanya.

Beliau berkata nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tentang perlunya kesederhanaan dan kebijaksanaan dalam melaksanakan hukum dan undang-undang adalah wajar.

"Saya rasa wajar bila Perdana Menteri memberi nasihat dan peringatan supaya langkah kita terus bijaksana dan boleh menarik minat generasi muda memahami dan menyokong tindakan-tindakan positif," katanya.

Anwar berharap tidak akan ada langkah yang diambil yang kemudiannya menimbulkan kejutan sehingga mereka (generasi muda) merasa sangsi.

"Saya tahu isu ini sensitif di Selangor sebab itu saya memilih untuk membicarakan hal ini di Selangor," kata beliau.

Antara isu yang pernah hangat di Selangor ialah pengharaman konsert Michael Jackson dan juga KRU. Yang terbaru ialah kes penangkapan dan pendakwaan tiga wanita Melayu yang menyertai pertandingan ratu cantik.

Anwar juga berkata jenayah di kalangan remaja memang membimbangkan

dengan peningkatan 66 peratus kepada 4,125 kes tahun 1995 berbanding 2,480 kes pada tahun 1980 dengan kesalahan termasuk mencuri, penyalahgunaan dadah dan kegiatan seksual. Bagi tempoh 1990-1996 daripada 26,092 kes lari dari rumah yang dilaporkan, sebahagian besarnya ialah remaja.

Katanya kadang-kadang pendekatan yang diambil dalam menangani masalah di kalangan remaja tidak menepati masalahnya, sambil memberi contoh golongan yang dijadikan sasaran dalam masalah jenayah remaja ialah mereka yang bergiat dalam seni.

Beliau melahirkan kebimbangan dengan kecenderungan penggunaan isu sosial sebagai alasan untuk bertindak terlalu keras dan kurang bijaksana.

Sesi ketiga dialog belanjawan 1998 itu yang bertemakan "Memupuk Masyarakat Beretika dan Bermoral Tinggi Diserapi Dengan Budaya Penyayang" turut dihadiri Menteri Besar Selangor Datuk Abu Hassan Omar, Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Affifuddin Omar dan Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan Datuk Dr Shafie Salleh selain pemimpin persatuan dan pertubuhan bukan kerajaan. -- BERNAMA

MNY MAI